

KBAT

Kemahiran berfikir
aras tinggi



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
SELANGOR

CKG SHIMA | CKG RAFIDAH | CKG ZALNIDA | CKG DANIEL | CKG ZARINA | CKG AYIE

Cadangan jawapan

1 Sikap tidak peka akan sejarah menjadi cabaran Malaysia bagi mengekalkan keluhuran perlembagaan negara. Ulaskan pernyataan ini. [T5B2M31]	
Kepala ayat	<i>Sikap tidak peka akan sejarah menjadi cabaran Malaysia bagi mengekalkan keluhuran perlembagaan negara kerana</i>
Fakta/ Isi	akan menyebabkan rakyat hilang perasaan cinta akan negara.
Huraian	Hal ini akan menimbulkan perasaan tidak menghormati perlembagaan negara.
Huraian lanjutan	Perbuatan provokatif akan mengundang kemarahan rakyat.
Contoh	Sebagai contoh , mendesak supaya sistem raja berperlembagaan dihapuskan dan digantikan dengan sistem Republik.
Inferens	Impaknya (Kesannya) , negara boleh kehilangan kuasa institusi beraja yang menjadi payung kepada kesejahteraan rakyat.

Cadangan jawapan

2 Mengapakah pentadbiran tentera Jepun mengekalkan pemerintahan beraja di Tanah Melayu? [T5B3M40]	
Kepala ayat	<i>Pentadbiran tentera Jepun mengekalkan pemerintahan beraja di Tanah Melayu</i>
Fakta/ Isi	untuk mengambil hati Raja-raja Melayu
Huraian	dengan mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu
Contoh	sebagai ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu.
Huraian lanjutan	Selain itu , Raja-raja Melayu juga diberikan pencen.
Huraian lanjutan	Pengiktirafan tersebut menyebabkan Raja-raja Melayu memberikan kerjasama kepada pentadbiran tentera Jepun.
Inferens	Hal ini akan memudahkan pentadbiran Jepun di Tanah Melayu.

Cadangan jawapan

3 Bincangkan cara menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara. [T5B3M47]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Cara yang boleh dilakukan untuk menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	ialah menghayati prinsip rukun negara yang kedua ✓
<i>Huraian</i>	dengan menghormati institusi beraja. ✓
<i>Huraian lanjutan</i>	Hal ini kerana raja merupakan lambang perpaduan negara kita. ✓
<i>Fakta/ Isi</i>	Seterusnya kita perlu lebih cakna terhadap peranan yang dimainkan institusi beraja dalam mengekalkan keamanan negara. ✓
<i>Contoh</i>	Contohnya , peranan Yang di-Pertuan Agong dalam menstabilkan kemelut politik yang berlaku di negara kita. ✓
<i>Inferens</i>	Oleh sebab itu , kita perlulah menghargai sistem raja berperlembagaan yang ada di negara kita. ✓

Cadangan jawapan

4 Mengapakah perkataan "Urusan Seri Paduka Baginda" tercatat pada sampul surat urusan kerajaan? [T5B3M48]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>"Urusan Seri Paduka Baginda" tercatat pada sampul surat urusan kerajaan kerana</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	Yang di-Pertuan Agong (YDPA) merupakan punca kuasa pemerintahan. ✓
<i>Huraian</i>	Hal ini kerana , urusan seri paduka baginda itu melibatkan surat dalam perkhidmatan awam ✓
<i>Huraian lanjutan</i>	dan menunjukkan kepentingan urusan tersebut. ✓
<i>Contoh</i>	Contohnya pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dilantik oleh YDPA sama seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). ✓
<i>Huraian</i>	Ini menunjukkan ia merupakan badan yang bernaung dibawah YDPA. ✓

Cadangan jawapan

5 Mengapakah Parlimen mempunyai dua dewan? [T5B3M53]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Parlimen mempunyai dua dewan</i>
<i>Contoh</i>	iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara
<i>Fakta/ Isi</i>	yang berperanan melakukan kerja semak dan imbang rang undang-undang.
<i>Huraian</i>	Tugas Dewan Rakyat ialah menggubal dan meluluskan rang undang-undang yang dibawa naik oleh Dewan Rakyat.
<i>Huraian lanjutan</i>	Manakala , tugas Dewan Negara ialah membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan teliti.
<i>Inferens</i>	Semak dan imbang dalam pemerintahan negara penting untuk mewujudkan pemerintahan yang adil dan saksama.

Cadangan jawapan

6 Mengapakah Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama? [T5B3M54]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama</i>
<i>Fakta</i>	untuk menerima, menyokong dan mempertahankan keputusan yang telah dibuat dan diputuskan secara kolektif oleh Kabinet.
<i>Huraian</i>	serta tidak mencampuri perkara di luar bidang kuasanya.
<i>Contoh</i>	Contohnya menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak boleh memberikan kenyataan berkaitan soal pemberian Vaksin Covid 19 secara terbuka.
<i>Huraian lanjutan</i>	Hal ini kerana perbezaan pendapat akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat mengenai dasar kerajaan terhadap isu-isu tertentu.
<i>Inferens</i>	Oleh itu , kredibiliti kerajaan untuk memimpin dan memacu negara ke arah kecemerlangan dan kemakmuran tidak akan diragui oleh rakyat.

Cadangan jawapan

7 Mengapakah peruntukan tambahan diberikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama bagi Sarawak dan Sabah? [T5B4M70]	
Kepala ayat	Peruntukan tambahan diberikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama bagi Sarawak dan Sabah
Fakta/ Isi	bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia
Huraian	Hal ini disebabkan oleh budaya dan kepercayaan agama Sabah dan Sarawak adalah berbeza daripada Semenanjung Malaysia.
Contoh	Oleh itu , selain daripada Mahkamah Syariah, terdapat juga Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak.
Inferens	Kesannya , kepentingan dan hak istimewa negeri Sabah dan Sarawak terjaga dan dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dalam pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Cadangan jawapan

8 Mengapakah negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia tidak termasuk dalam Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah? [T5B4M73]	
Kepala ayat	Negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia tidak termasuk dalam Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah kerana
Fakta/ Isi	negeri di kawasan berkenaan pesat membangun berbanding negeri di kawasan yang lain.
Huraian	Hal ini bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah
Huraian lanjutan	supaya kemakmuran ekonomi negara dapat dinikmati oleh semua rakyat secara adil, seimbang dan sama rata
Huraian lanjutan	serta dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk terutama di luar bandar.
Contoh	Sebagai contoh , Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) terdiri daripada negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor menunjukkan kejayaan dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosioekonomi antara Pantai Barat dan Pantai Timur.

<i>Inferens</i>	Dengan pelaksanaan ini , kerajaan dapat menyediakan peluang-peluang pembangunan ekonomi bagi negeri-negeri yang kurang membangun dan meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar.
-----------------	---

Cadangan jawapan

9	Bandingkan cabaran RASCOM dengan ESSCOM dalam usaha memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. [T5B8M79]
<i>Kepala ayat</i>	<i>RASCOM ditubuhkan dalam usaha memelihara keselamatan dan kedaulatan negara</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	daripada ancaman Komunis di Sarawak pada tahun 1972
<i>Fakta/ Isi</i>	manakala ESSCOM ditubuhkan ekoran penerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Lahat Datu, Sabah pada tahun 2013.
<i>Huraian</i>	Selain itu , RASCOM adalah gabungan pentadbiran awam, polis dan tentera dan bertindak sebagai sebuah pasukan
<i>Huraian lanjutan</i>	bagi memastikan apa jua langkah yang ingin diambil kerajaan sebagai tindak balas terhadap pengganas komunis akan melibatkan semua pihak.
<i>Huraian</i>	ESSCOM pula mengintegrasikan kerjasama agensi keselamatan
<i>Contoh</i>	seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM).
<i>Inferens</i>	Kedua-duanya berjaya dan berupaya mengembalikan semula keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Cadangan jawapan

10	Pada pendapat anda, mengapakah pedagang dan pengusaha industri di Singapura menyokong pembentukan Malaysia? [T5B8M97]
<i>Kepala ayat</i>	<i>Pada pendapat saya, pedagang dan pengusaha industri di Singapura menyokong pembentukan Malaysia</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	kerana penggabungan ini akan membuka peluang pasaran yang lebih besar.
<i>Huraian</i>	Ini kerana pasaran domestik sedia ada yang kecil.
<i>Fakta/ Isi</i>	Disamping itu , penggabungan dengan Persekutuan Tanah Melayu membolehkan mereka mendapat akses kekayaan sumber alam untuk keperluan industri Singapura.

<i>Contoh</i>	Contohnya Tanah Melayu kaya dengan dengan bijih timah dan getah, Sabah kaya dengan balak manakala Sarawak kaya dengan hasil minyak.
<i>Inferens</i>	Kesannya , ekonomi akan berkembang pesat dan seterusnya meningkatkan kuasa beli dan taraf hidup penduduk.

Cadangan jawapan

11	Apakah kepentingan siri lawatan para pemimpin negara dalam proses pembentukan negara Malaysia? [T5B5M98]
<i>Kepala ayat</i>	<i>Kepentingan siri lawatan pemimpin negara dalam proses pembentukan negara Malaysia</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	ialah membolehkan pemimpin untuk bertemu antara satu sama lain
<i>Huraian</i>	serta meninjau bersama dengan pemimpin tempatan.
<i>Huraian</i>	melalui lawatan ke negeri terlibat.
<i>Huraian lanjutan</i>	untuk menerangkan rancangan pembentukan Malaysia.
<i>contoh</i>	Contohnya lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Brunei.
<i>Inferens</i>	Hal ini mewujudkan kesepakatan antara pemimpin dan seterusnya memberi gambaran yang jelas kepada rakyat bagi merealisasikan pembentukan Malaysia.

Cadangan jawapan

12	Huraikan kepentingan Perjanjian Malaysia 1963. [T5B5M103]
<i>Kepala ayat</i>	<i>Kepentingan Perjanjian Malaysia 1963</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	ialah asas untuk memperkukuhkan hubungan antara wilayah.
<i>Huraian</i>	Asas ini dimantapkan melalui dokumen yang ditandatangani oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.
<i>Contoh</i>	Contohnya penduduk bumiputera Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan yang sama seperti orang Melayu.
<i>Fakta/ Isi</i>	Selain itu perjanjian ini telah menetapkan bilangan kerusi.
<i>Huraian</i>	Sebanyak 25 kerusi bagi Sarawak dan Sabah mendapat 16 kerusi.
<i>Inferens</i>	Perjanjian Malaysia 1963 ini membolehkan negeri Sarawak dan Sabah mendapat persamaan taraf dengan negeri lain bagi mengekalkan kemajuan, kemakmuran dan kedaulatan negara Malaysia.

Cadangan jawapan

13	Mengapakah perpaduan menjadi agenda penting dalam sesebuah negara? [T5B5M118]
Kepala ayat	Perpaduan menjadi agenda penting dalam sesebuah negara
Fakta/ Isi	untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan negara yang stabil.
Huraian	terutamanya negara yang berbilang bangsa, agama dan budaya
Contoh	seperti Malaysia.
Fakta/ Isi	Selain itu untuk memantapkan semangat patriotik dan semangat cintakan negara
Huraian	melalui pelbagai program
Contoh	seperti Sambutan Bulan Kemerdekaan.
Inferens	Ini membolehkan pembentukan identiti nasional yang mempunyai semangat jati diri yang kuat dan seterusnya mengekalkan kedaulatan dan kemajuan negara.

Cadangan jawapan

14	Mengapakah usaha pembangunan negara menjadi agenda utama kerajaan pada awal pembentukan Malaysia? [T5B6M126]
Kepala ayat	Usaha pembangunan negara menjadi agenda utama kerajaan pada awal pembentukan Malaysia
Fakta/ Isi	bagi memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud
Huraian	yang memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan luar bandar
Huraian lanjutan	agar perbezaan pendapatan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar dapat dirapatkan.
Fakta/ Isi	Pembukaan tanah oleh FELDA dilakukan dengan lebih pesat
Contoh	seperti projek Tiga Segi Jengka dan Johor Tenggara
Huraian	dapat meningkatkan pendapatan penduduk
Huraian	dan memperbaiki taraf hidup rakyat.
Inferens	Dengan cara ini , kadar kemiskinan dalam kalangan penduduk berjaya dikurangkan.

15 Bandingkan maksud perpaduan kaum dan integrasi nasional. [T5B7M140]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Maksud perpaduan kaum</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	ialah keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu.
<i>Fakta/ Isi</i>	Manakala integrasi nasional pula ialah proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dan wilayah
<i>Fakta/ Isi</i>	Selain itu perpaduan membawa maksud kepada komitmen rakyat kepada identiti kebangsaan.
<i>Fakta/ Isi</i>	Manakala integrasi nasional pula bermaksud rakyat yang beridentiti sendiri.
<i>Fakta/ Isi</i>	Kedua-dua konsep ini berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara.
<i>Inferens</i>	Perpaduan dan integrasi nasional penting untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, harmoni dan sejahtera

16 Bagaimanakah penggunaan bahasa kebangsaan dapat memupuk perpaduan rakyat? [T5B7M148]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Penggunaan bahasa kebangsaan dapat memupuk perpaduan rakyat</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	dengan dijadikan sebagai bahasa komunikasi rasmi masyarakat dalam pelbagai urusan
<i>Contoh</i>	seperti dalam sektor kerajaan, bidang perundangan dan perdagangan
<i>Huraian</i>	yang boleh meningkatkan persefahaman antara rakyat berbilang kaum.
<i>Inferens</i>	Dengan ini, dapat membentuk jati diri masyarakat yang akan memajukan negara mengikut acuan sendiri.

Cadangan jawapan

17 Bagaimanakah matlamat mewujudkan kesejahteraan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan? [T5B7M158]	
Kepala ayat	Matlamat mewujudkan kesejahteraan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan
Fakta/ Isi	dengan mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat
Huraian	dengan cara mempertingkatkan pencegahan jenayah
Huraian	dan meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan jenayah
Contoh	seperti program kesedaran CyberSAFE dan AMANITA
Huraian lanjutan	bagi menyebarkan maklumat mengenai keselamatan diri.
Inferens	Kesannya , ancaman dari dalam dan luar negara dapat dikurangkan dan dapat mewujudkan masyarakat serta negara yang sejahtera.

Cadangan jawapan

18 Mengapakah rancangan ekonomi dikenali sebagai Rancangan Buku Hijau? [T5B8M169]	
Kepala ayat	Rancangan ekonomi dikenali sebagai Rancangan Buku Hijau
Fakta/ Isi	kerana tumpuan diberikan kepada penggunaan tanah sepenuhnya
Contoh	dengan tanaman jangka pendek, pekebunan cara berkelompok, pemasaran yang baik dan projek-projek kecil yang lain.
Huraian	untuk menambahkan pengeluaran bahan makanan
Huraian lanjutan	supaya cukup untuk keperluan negara.
Inferens	Dengan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau , dapat menambahkan pendapatan rakyat.

Cadangan jawapan

19 Bagaimanakah kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat Malaysia dapat dihapuskan? [T5B8M176]	
Kepala ayat	Kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat Malaysia dapat dihapuskan
Fakta/ Isi	dengan membekalkan ilmu dan kemahiran dalam bidang tertentu
Contoh	seperti bidang perniagaan secara kecil-kecilan
Huraian	yang boleh membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan.
Inferens	Oleh itu , usaha pihak-pihak yang berkaitan dalam membantu rakyat yang terbelenggu dalam kemiskinan mampu mencapai sifar kemiskinan dalam negara.

Cadangan jawapan

20 Mengapakah insentif diberikan kepada Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera? [T5B8M177]	
Kepala ayat	Insentif diberikan kepada Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
Fakta/ Isi	untuk meningkatkan pembangunan ekonomi bumiputera
Huraian	yang jauh ketinggalan dari aspek tenaga kerja dalam sektor moden
Contoh	seperti pembuatan, perkhidmatan serta perdagangan borong dan runcit
Inferens	ia dilakukan bagi menyusun semula masyarakat di pelbagai sektor dan pekerjaan dalam ekonomi bagi mencerminkan komposisi pelbagai kaum di Malaysia.

Cadangan jawapan

21 Bagaimanakah golongan profesional dapat membantu usaha membasmi kemiskinan rakyat? [T5B8M181]	
Kepala ayat	Golongan profesional dapat membantu usaha membasmi kemiskinan rakyat
Fakta/ Isi	dengan meningkatkan lagi bilangan penyertaan dalam pelbagai bidang profesional
Contoh	seperti dalam sektor pendidikan, perubatan dan kejuruteraan.
Huraian	Hal ini dapat meningkatkan pendapatan boleh guna
Huraian	sekaligus mengurangkan kadar pengangguran.
Inferens	Pada akhirnya , pertambahan bilangan golongan profesional dalam masyarakat akan dapat membantu usaha kerajaan membasmi kemiskinan.

Cadangan jawapan

22 Mengapakah hubungan baik dengan negara luar perlu diperkukuh? [T5B9M196]	
Kepala ayat	Kepentingan hubungan baik dengan negara luar perlu diperkukuh
Fakta/ Isi	adalah untuk melindungi kepentingan nasional
Huraian	berkaitan isu keselamatan rentas sempadan
Huraian	agar dapat diselesaikan secara aman dan rundingan.
Contoh	Contohnya , tuntutan Pulau Batu Putih dan Pedra Branca.
Inferens	Kesimpulannya , hubungan baik yang terjalin secara bilateral mampu menjamin kestabilan sesebuah negara.

Cadangan jawapan

23 Menurut pandangan anda, bagaimanakah hubungan antara Malaysia dengan China pada masa hadapan? [T5B9M208]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Pada pandangan saya, hubungan antara Malaysia dengan China pada masa hadapan</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	akan menjadi lebih erat ✓
<i>Huraian</i>	sebagai rakan dagang utama. ✓
<i>Contoh</i>	Contohnya , pada tahun 2018, nilai dagangan dengan China adalah RM 313.0 bilion. ✓
<i>Huraian lanjutan</i>	Hubungan dengan China juga menjadi sumber import penting negara. ✓
<i>Inferens</i>	Hubungan erat antara Malaysia dengan China mampu membawa Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi utama rantau Asia. ✓

Cadangan jawapan

24 Bincangkan faedah ekonomi, sosial dan politik yang diperolehi Malaysia dengan menyertai OIC. [T5B9M215]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Malaysia akan memperolehi pelbagai faedah dengan menyertai OIC</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	seperti daripada aspek politik , Malaysia dipandang tinggi oleh negara-negara Islam ✓
<i>Contoh</i>	dengan menjadi tuan rumah Persidangan OIC pada 2003 ✓
<i>Fakta/ Isi</i>	Manakala faedah daripada aspek ekonomi pula adalah peningkatan dagangan antara negara-negara Islam. ✓
<i>Contoh</i>	Buktinya , Malaysia menjadi hub halal terbesar dunia. ✓
<i>Fakta/ Isi</i>	Seterusnya faedah daripada aspek sosial pula adalah Malaysia menjadi hub pendidikan. ✓
<i>Contoh</i>	Contohnya , pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Gombak. ✓
<i>Inferens</i>	Penglibatan Malaysia sebagai anggota OIC memberikan pelbagai faedah sehingga Malaysia terkenal di mercu negara-negara Islam seluruh dunia. ✓

25 Nyatakan penyakit berjangkit yang menular pada masa ini. Apakah kesan kepada masyarakat dunia jika kita gagal menangani wabak ini? [T5B10M229]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Terdapat banyak penyakit berjangkit yang menular pada masa ini</i>
<i>Contoh</i>	Contohnya , AIDS dan Covid-19
<i>Fakta/ Isi</i>	yang akan mengganggu kesejahteraan hidup masyarakat dunia
<i>Huraian</i>	kerana penyakit tersebut boleh mendatangkan kematian.
<i>Huraian lanjutan</i>	Hal ini akan menimbulkan kesedihan kepada pihak yang kehilangan ahli keluarga.
<i>Inferens</i>	Penyakit berjangkit yang menular dalam kalangan masyarakat dunia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara keseluruhannya.

26 Apakah kesan kepada masyarakat dunia jika kita gagal menangani wabak ini? [T5B10M229]	
<i>Kepala ayat</i>	<i>Kesan kepada masyarakat dunia jika kita gagal menangani wabak ini</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	ialah ia akan memberikan ancaman yang besar kepada nyawa manusia di seluruh pelosok dunia.
<i>Huraian</i>	Hal ini kerana bilangan kes positif dan bilangan kematian terus meningkat.
<i>Huraian lanjutan</i>	Keadaan dunia menjadi semakin kelam-kabut jika tidak ada vaksin yang ditemui untuk mengubati penyakit tersebut.
<i>Huraian lanjutan</i>	Hal ini juga akan merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik kerana kita dikejutkan secara tiba-tiba dengan serangan wabak yang cukup berbahaya.
<i>Contoh</i>	Contohnya penyakit Covid-19
<i>Inferens</i>	Oleh itu jelaslah bahawa penyakit berjangkit sangat bahaya dan memberi kesan negatif kepada sistem politik, ekonomi dan sosial dunia.

Cadangan jawapan

27	Mengapakah isu alam sekitar perlu diberi perhatian oleh masyarakat dunia? [T5B10M239]
Kepala ayat	Isu alam sekitar perlu diberi perhatian oleh masyarakat dunia
Fakta/ Isi	untuk menyelamatkan bumi daripada terus tercemar.
Huraian	Hal ini kerana aktiviti serta kegiatan manusia dilihat banyak menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.
Contoh	Contohnya kebakaran hutan luas di Indonesia telah menyebabkan kejadian jerebu merentas sempadan negara lain.
Huraian lanjutan	Kejadian ini telah memberi kesan kepada industri pelancongan, kesihatan penduduk dan alam sekitar dan menyebabkan kerugian berbilion ringgit.
Huraian lanjutan	Secara tidak langsung akan menyebabkan keseimbangan alam sekitar terganggu.
Huraian lanjutan	Seterusnya memberi kesan yang buruk kepada sektor pertanian.
Contoh	Contohnya pengeluaran padi akan berkurangan disebabkan padi tidak subur.
Inferens	Kesimpulannya isu alam sekitar perlu diberi perhatian masyarakat dunia supaya dunia yang lebih baik dan alam sekitar yang lestari dapat diwujudkan.

Cadangan jawapan

28	"Antartika perlu dipertahankan sebagai warisan manusia sejagat". Ulaskan pernyataan ini. [T5B10M240]
Kepala ayat	Antartika perlu dipertahankan sebagai warisan manusia sejagat
Fakta/ Isi	kerana ia penting dari segi pengaruhnya terhadap ekologi (hidupan) dan cuaca dunia.
Huraian	90 peratus daripada air tawar dunia dalam bentuk air batu dan salji terdapat di Antartika.
Huraian	Ia juga mengandungi bekalan makanan dan bahan mentah galian
Contoh	seperti besi, minyak, gas dan lain-lain.
Huraian lanjutan	Di Antartika juga terdapat haiwan dan tumbuhan yang jarang terdapat di tempat-tempat lain.
Huraian lanjutan	Benua Antartika juga dianggap strategik dari segi perhubungan memandangkan kedudukannya yang dikelilingi oleh empat buah lautan.

<i>Inferens</i>	Oleh itu jelaslah antartika perlu dipertahankan untuk faedah bersama. ✓
-----------------	--

Cadangan jawapan

29	Sebagai generasi muda dalam komuniti Asean, cadangkan usaha anda untuk mengekalkan keamanan dalam kalangan warga Asean. [T5B10M242]
<i>Kepala ayat</i>	<i>Sebagai generasi muda dalam komuniti Asean, usaha saya untuk mengekalkan keamanan dalam kalangan warga Asean</i>
<i>Fakta/ Isi</i>	ialah sentiasa menjaga hubungan baik antara warga Asean yang lain ✓
<i>Huraian</i>	supaya keharmonian dunia terpelihara. ✓
<i>Huraian lanjutan</i>	dengan mengambil bahagian dalam Sukan SEA. ✓
<i>Inferens</i>	Kesannya , hubungan baik antara negara terlibat menjadi semakin kukuh melalui pelibatan sukan antarabangsa. ✓
<i>Fakta / isi</i>	Selain itu , saya akan melibatkan diri dalam program pertukaran pelajar. ✓
<i>Contoh</i>	Contohnya dengan negara Singapura. ✓
<i>Huraian</i>	Kerjasama dalam pendidikan bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu dan pengalaman ✓
<i>Huraian lanjutan</i>	malah membolehkan saya mengenali budaya negara lain. ✓
<i>Inferens</i>	Kesannya saya akan lebih memahami budaya masyarakat berlainan bangsa dan agama negara lain. ✓
<i>Inferens</i>	Kesimpulannya , saya akan menjadi warga global yang cintakan kesejahteraan demi keamanan dunia. ✓